

Pasangan bukan Islam ingin kahwin

kena ikuti kursus

Kuala Lumpur: Pasangan bukan Islam yang ingin mendirikan rumah tangga akan diwajibkan untuk menghadiri kursus praperkahwinan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh, berkata ketika ini pasangan bukan Islam tidak diwajibkan berbuat demikian di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Bagaimanapun, katanya, siri perbincangan untuk memperluaskan pelaksanaan kursus praperkahwinan kepada pasangan bukan Islam akan diadakan dalam tempoh terdekat.

"Langkah ini sebahagian daripada usaha untuk menangani peningkatan kes perceraian yang lazimnya berlaku dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan.

"Pengendalian kursus boleh di-

kendalikan JPN atau majlis agama masing-masing kerana kita tidak mahu mereka mendirikan rumah tangga tanpa memahami masalah yang bakal dihadapi.

Cabaran bakal dihadapi

"Diharapkan dengan kursus ini, pasangan berupaya memahami dan mendapat jangkaan awal mengenai bentuk cabaran yang bakal dihadapi, sekali gus menjadikan mereka lebih terbuka untuk menempuh alam perkahwinan," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Noor Amin Ahmad (PH-PKR Kangar) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Noor Amin meminta perincian kerajaan sama ada berhasrat memperluaskan pelaksanaan kursus perkahwinan kepada pasangan



Langkah ini sebahagian daripada usaha untuk menangani peningkatan kes perceraian yang lazimnya berlaku dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan"

Hannah Yeoh,

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

bukan Islam berikutan peningkatan statistik kes perceraian.

Menjawab soalan asal Noor Amin yang meminta perangkaan kes cerai dan punca utama masalah berkenaan, Yeoh berkata, lebih satu pertiga perkahwinan pertama di negara ini gagal dalam tempoh lima tahun.

"Antara punca utama dikemukakan menerusi Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) pada 2014 ialah kerana tiada persefahaman yang mewakili 56.2 peratus, manakala isteri curang (11.8 peratus) dan campur tangan mentua atau ipar (10 peratus).

"Bagi wanita pula, 38 peratus menyatakan punca utama perceraian kerana tiada persefahaman, diikuti suami curang iaitu 20.5 peratus dan suami tidak bertanggungjawab, 15.2 peratus," katanya.

Memetik laporan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor yang diterbitkan sebuah portal berita, Yeoh berkata, banyak kes perceraian berlaku angkara faktor remeh dalam kalangan pasangan muda.

Katanya, antara sebab yang difailkan ialah isteri suka mengikut rombongan beramai-ramai, isteri suka membasuh baju waktu malam dan suami tidak suka isteri makan di dalam kereta.

"Alasan lain mencakupi perbezaan fahaman politik, gaji suami lebih rendah, pasangan tidur berdengkur dan pasangan gemar beli belah,

"Saya baca perkara ini bagi menunjukkan faktor perceraian sekarang sangat kerana perkara remeh digunakan sebagai sebab bagi memfailkan permohonan untuk berpisah," katanya.